



Anwar bersalaman dengan orang ramai ketika hadir merasmikan Karnival Segalanya FELDA di Lahad Datu, semalam.

(Foto BERNAMA)

'Jangan ada negara cuba nak tekan kita'

Malaysia mahu
berbaik dengan
semua, namun
berhak tentu
apa terbaik
untuk rakyat

Lahad Datu: Sebagai sebuah negara merdeka dan bebas, Malaysia berhak menentukan apa yang terbaik untuk negara dan rakyatnya, termasuk dalam menjalin hubungan dengan negara-negara lain di seluruh dunia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata sepatutnya tidak ada pihak cuba menekan negara dalam menjalin hubungan diplomatik dengan negara lain sambil menegaskan Malaysia mahu berbaik dengan semua negara.

Perdana Menteri, yang baru pulang dari lawatan kerja ke Russia baru-baru ini, juga berkata pertemuannya dengan Presiden Vladimir Putin bertujuan mengukuhkan hubungan baik di antara Kuala Lumpur dan Moscow, selain mahukan Russia meningkatkan import minyak sawit dari Malaysia.

"Saya jumpa dengan Presiden

Putin dan orang tanya macam mana, Malaysia ini tak semena-mena nak berbaik dengan Russia. Apa kata Amerika? Apa kata Eropah? Kita adalah negara bebas dan merdeka. Kita putuskan apa terbaik untuk negara kita.

"Kita harus berbaik (dengan semua negara), tetapi jangan ada negara hendak tekan kita," katanya ketika merasmikan Karnival Segalanya FELDA di sini, semalam.

Yang hadir sama, Menteri Kewangan Sabah, Datuk Seri Masidi Manjun mewakili Ketua Menteri, Datuk Seri Hajiji Noor dan Pengerusi FELDA, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

Tingkat import komoditi

Anwar berkata, negara seperti India, China, Mesir dan Belanda antara pengimport besar minyak sawit negara ini, justeru beliau berusaha memastikan negara terbabit meningkatkan import komoditi itu.

"Sekarang kita minta Russia. Sebab itulah kita pergi dan berkawan dengan mereka. China setuju tambah import kelapa (minyak) sawit. Saya jumpa Perdana Menteri India (Narendra Modi) baru-baru ini. Dia pun kata saudara Anwar, kita akan meningkatkan import (minyak sawit) ke India," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau mengunjungi negara-negara itu untuk meningkatkan perda-

ngan dan mempromosi sektor pelancongan di Malaysia, termasuk di Sabah, Sarawak, Langkawi dan Pulau Pinang, yang mempunyai keindahan alam semula jadi yang diiktiraf antara terindah di dunia.

Ini juga bertujuan menarik pelancong dari Russia kerana setakat ini kira-kira 100,000 pelancong Russia datang ke Malaysia, berbanding antara 5 hingga 10 juta pelancong melawat Turkiye setiap tahun," kata Anwar.

Perdana Menteri juga berkata, beliau dijemput Presiden Mesir, Abdel Fattah El-Sisi untuk mengunjungi negara itu dan melihat kunjungan itu sebagai peluang untuk mengukuhkan hubungan baik di antara kedua-dua negara dan meminta supaya Mesir meningkatkan import minyak sawit Malaysia.

"Ini peluang saya minta dia beli kelapa (minyak) sawit lebih. Insya-Allah saya akan pergi dan akan sampaikan salam orang Lahad Datu serta Sabah kepada Presiden (El-Sisi). Saya akan beritahu penduduk di sini yang tanam kelapa sawit dan minta mereka beli lebih banyak nanti," katanya.

Anwar juga merancang untuk menceritakan kepada El-Sisi mengenai keindahan Lahad Datu dan Sabah, yang juga destinasi pelancongan utama di timur Malaysia.

BERNAMA